

Harun anak Sabah kedua dilantik Naib Canselor UMS

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 20.06.2012 B3

MEMEGANG jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) mungkin tidak pernah terlintas dalam fikirannya.

Apatah lagi menjadi anak tempatan Sabah yang kedua dilantik untuk memegang tampuk pimpinan UMS.

Namun yang jelas, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah yang juga anak kelahiran Kampung Gudon, Menggatal, kini menjadi Naib Canselor UMS

keempat.

Memulakan tanggungjawab baru itu pada 18 Jun lepas, anak sulung kepada empat orang adik ini dilahirkan pada 1 Januari 1961.

Anak kepada pasangan Abdullah Mohammed dan Normah Mat Wahid ini memulakan pendidikannya di Sekolah Rendah St. Catherine, Inanam pada tahun 1966 hingga 1967.

Kemudian meneruskan persekolahan di 'Government's English Primary School' (GEPS) Tanjung Aru (1968-1973). Beliau melanjutkan

pendidikan menengah di Sekolah Menengah Maktab Sabah bermula tahun 1974 hingga 1978.

Selepas tamat tingkatan lima dalam aliran sains, Harun memulakan pengajian ijazah sarjana muda di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) sekarang dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia dalam jurusan Alam Sekitar.

Beliau turut mengambil sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan doktor falsafah (PhD) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mula berkhidmat sebagai



HARUN

kakitangan awam pada tahun 1980 di Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah dan Pegawai Penyelidik Alam Sekitar di Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar (1987-1993).

Harun menceburi kerjaya dalam pendidikan sebagai tutor pada tahun 1994 dan kemudiannya menjadi pensyarah di Fakulti Sains Sumber Alam, UKM Kampus Sabah tahun 1995.

Apabila kampus berkenaan ditutup pada tahun 1996, beliau berpindah ke UMS.

Dalam bidang pentadbiran, beliau pernah

memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) di Sekolah Sains dan Teknologi (SST), UMS bermula tahun 2002 hingga 2006.

Pada tahun 2008 hingga 2011, Harun dilantik menjadi Dekan SST sebelum meneruskan tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS menerusi lantikan daripada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia berkuatkuasa pada 1 Ogos 2011.

Selain menjadi Ahli Senat UMS sejak 3 Jun 2008, beliau juga pernah menjadi

Ketua Unit Penyelidikan Air (WRU) yang pertama bermula 15 November 2011.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar turut melantik Harun sebagai wakil tetap UMS dalam Majlis Majlis Perlindungan Alam Sekitar Kerajaan Negeri Sabah sejak tahun 2001.

Seorang yang aktif dalam bidang penyelidikan dan telah mengetuai banyak geran penyelidikan sama ada tajaan dari dalam maupun luar negara.

Beliau juga menerbitkan beberapa artikel dalam jurnal bertaraf antarabangsa.